

**SOALAN-SOALAN LAZIM**  
**KURSUS PENGKAEDAHAN PENYELIDIKAN DAN ANALISIS DATA SAINS**  
**PENGURUSAN**

---

**A. MENGENAI INTAN**

**1. Apakah fungsi Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)?**

- *INTAN adalah sebuah pusat latihan awam di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam yang berperanan untuk melaksanakan latihan ke arah pembangunan sikap, pengukuhan kemahiran dan pemerkasaan pengetahuan serta melaksanakan aktiviti-aktiviti penyelidikan, konsultansi dan penerbitan bagi melengkapkan penjawat awam dengan bakat, kebolehan dan pemikiran yang konstruktif.*

**2. Di manakah lokasi INTAN Bukit Kiara?**

- *INTAN Kampus Utama Bukit Kiara terletak di Jalan Bukit Kiara, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur  
(Waze: INTAN Bukit Kiara)  
(Latitude: 3.140555 | Longitude: 101.649712)*

**3. Bagaimana saya ingin mengetahui lebih lanjut mengenai INTAN?**

- *Maklumat mengenai INTAN boleh dicapai pada laman sesawang <http://www.intanbk.intan.my/> atau boleh menghubungi talian telefon 03-2084 7777.*

**B. MENGENAI KURSUS PENGKAEDAHAN**

**4. Adakah kursus ini memberi manfaat kepada saya?**

- *Kursus ini amat bermanfaat kepada penjawat awam kerana ia memberi pendedahan mengenai asas penyelidikan sains sosial yang meliputi kaedah kualitatif dan kuantitatif. Selain itu, kursus ini juga adalah amat bermanfaat kepada penjawat awam yang terlibat dalam pelaksanaan kajian di agensi/jabatan masing-masing.*

**5. Berapa lamakah kursus ini diadakan?**

- *Kursus ini mengambil masa lima (5) hari bekerja iaitu hari Isnin hingga Jumaat.*

**6. Terangkan secara ringkas isi kandungan kursus ini?**

- *Kandungan kursus adalah berkenaan pengenalan pengkaedahan penyelidikan sains pengurusan, pengkaedahan kuantitatif serta pengkaedahan kualitatif.*

**7. Apakah bahasa pengantar yang digunakan semasa berkursus?**

- *Dwibahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.*

**8. Adakah slaid atau nota kursus disediakan?**

- *Slaid atau nota kursus para penceramah kursus adalah berbentuk salinan softcopy yang boleh dimuat turun (sekiranya ada).*

**9. Di manakah lokasi kursus ini diadakan?**

- *Kursus ini akan diadakan di INTAN Bukit Kiara melainkan sekiranya berlaku perubahan tempat. Bilik kuliah akan dinyatakan di dalam surat tawaran mengikut siri kursus; dan*
- *Tanda arah bilik-bilik kursus ada dipaparkan di laluan-laluan utama INTAN.*

**C. TANGGUNGJAWAB PESERTA**

**10. Perlukah saya memaklumkan kepada Pegawai Penyelia saya mengenai kehadiran ke kursus ini?**

- *Walaupun pihak urus setia telah menjemput Ketua Jabatan/Pegawai Penyelia untuk mencalonkan peserta, setiap peserta bertanggungjawab untuk mengingatkan Pegawai Penyelia masing-masing berkenaan kehadiran ke sesi kursus berkenaan.*

**11. Berapakah yuran pendaftaran?**

- *Para peserta dikehendaki mendaftarkan diri pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran kursus. Bayaran tunai bagi yuran pendaftaran sebanyak **RM30.00** perlu dijelaskan semasa pendaftaran. Resit pendaftaran akan diberikan pada hari akhir kursus.*

**12. Apakah kod etika berpakaian?**

- *Lelaki - Berpakaian pejabat (baju lengan panjang, bertali leher dan seluar panjang);*
- *Wanita - Pakaian pejabat yang bersesuaian; dan*
- *Berpakaian batik pada hari Khamis.*

**13. Adakah wajib menghadiri kesemua hari berkursus?**

- *Setiap peserta diwajibkan untuk menghadiri kesemua slot kursus berkenaan. Sebarang ketidakhadiran akan dimaklumkan kepada Ketua Jabatan.*

*Peserta perlu mematuhi jadual masa kursus agar perjalanan sesi pengajaran dan pembelajaran tidak terganggu.*

**14. Bolehkah saya menyelesaikan urusan rasmi di pejabat (seperti menghadiri mesyuarat/kursus lain/ membentangkan kertas kerja atau menjadi penceramah jemputan/panel penilai untuk sesuatu program latihan) semasa berkursus?**

- *Tidak dibenarkan.*

**15. Bolehkah saya hadir ke temujanji dengan pihak perubatan dalam tempoh berkursus?**

- *Boleh dipertimbangkan untuk rawatan bagi diri sendiri sahaja. Timeslip/surat pengesahan daripada pegawai perubatan perlu dikemukakan kepada urus setia untuk tujuan rekod.*

**16. Bagaimana penilaian kursus dilaksanakan?**

- *Para peserta juga wajib melengkapkan penilaian kursus INTAN Training Information and Management System (ITIMS) melalui pautan <http://10.1.3.227/itims-v3/>.*

**17. Apakah peralatan tambahan yang perlu dibawa semasa kursus?**

- *Peserta boleh membawa komputer riba sendiri bagi slot simulasi data untuk pengaedahan kuantitatif dan juga pengaedahan kualitatif.*

## **D. KEMUDAHAN PENGINAPAN**

### **18. Adakah kemudahan penginapan disediakan kepada peserta kursus?**

- *Kemudahan penginapan asrama di INTAN Bukit Kiara adalah terhad dan hanya akan diberikan kepada peserta yang tinggal di luar dari Lembah Klang/Putrajaya/Cyberjaya dan Kuala Lumpur, walau bagaimanapun tertakluk kepada kekosongan. Peserta perlu mengemukakan permohonan untuk mendapatkan kemudahan penginapan asrama ini melalui e-mel **selewatnya 2 minggu sebelum tarikh permulaan kursus** dengan menyatakan nama, no. kad pengenalan, alamat jabatan dan no. telefon kepada pihak urus setia kursus seperti di bawah:*

**Nama : En Muhammad Fikri bin Ramli**  
**No. Tel. : 03-20847339**  
**E-mel : fikri@intanbk.intan.my**

- *Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan urusan penginapan seperti rayuan permohonan hendaklah dikemukakan terus kepada Unit Domestik INTAN melalui alamat e-mel [nazaima@intanbk.intan.my](mailto:nazaima@intanbk.intan.my) atau [yusoff@intanbk.intan.my](mailto:yusoff@intanbk.intan.my).*

## **E. LAIN-LAIN**

### **19. Apakah kemudahan-kemudahan lain yang disediakan oleh INTAN?**

- *Komputer (desktop) di Perpustakaan INTAN;*
- *Kemudahan jalur lebar tanpa wayar (wifi);*
- *Pusat sumber;*
- *Kemudahan sukan - kolam renang, gimnasium gelanggang sukan (sepak takraw, skuasy, tenis), padang (bola jaring, bola tampar, bola sepak);*
- *Surau (solat jumaat);*
- *Kafeteria (berbayar);*
- *Perkhidmatan percetakan/fotostat (berbayar);*
- *Parkir; dan*
- *Kedai buku.*

### **20. Adakah INTAN Bukit Kiara mempunyai akses kepada perkhidmatan pengangkutan awam?**

- *Akses kepada perkhidmatan pengangkutan awam adalah terhad kepada perkhidmatan teksi atau e-hailing dan tempahan perlu dibuat oleh para peserta sendiri.*

**21. Siapakah yang perlu dihubungi untuk membuat sebarang pertanyaan lanjut mengenai kursus ini?**

- Sekiranya terdapat kemosykilan, sila hubungi urus setia seperti berikut:

**Nama : Puan Nurbaiti binti Abdul Ghani**  
**No. Tel. : 03-20847484**  
**E-mel : nurbaiti@intanbk.intan.my**

**Nama : Puan Nor Baizura binti Mohd Noordin**  
**No. Tel. : 03-20847366**  
**E-mel : nbaizura@intanbk.intan.my**

**Nama : En Muhammad Fikri bin Ramli**  
**No. Tel. : 03-20847339**  
**E-mel : fikri@intanbk.intan.my**

*Sub Kluster Pengajian Lanjutan  
Kluster Pembangunan Kepakaran  
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
INTAN Kampus Utama Bukit Kiara  
Jalan Bukit Kiara  
50480 Kuala Lumpur*